

AHMAD KAMAL ARIFFIN Mohd Rus

NOOR AIN Mat Noor

MOHAMAD KHAIRUL ANUAR Mohd Rosli

Universiti Malaya

LUKUT, 1846-1864: BANDAR TERAWAL DI SELANGOR

LUKUT, 1846-1864: THE EARLIEST TOWN IN SELANGOR

Artikel ini bertujuan mengkaji perkembangan Lukut semasa berada di bawah kekuasaan Kesultanan Selangor. Sehingga pertengahan abad ke-19, Lukut merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan hasil bijih timah. Keadaan ini menyebabkan golongan elit Melayu dan pemodal Cina mula berhijrah dan menetap di Lukut untuk terlibat dalam kerja-kerja melombong bijih timah. Kehadiran mereka bersama-sama dengan pengikot dan tenaga buruh yang ramai menyebabkan fungsi Lukut sebagai kawasan petempatan semakin berkembang. Semasa ditadbir oleh Raja Jumaat (1846-1864), perkembangan sektor perlombongan bijih timah di Lukut mencapai tahap kemuncak sehingga mengubah reka bentuk landskapnya menjadi sebuah petempatan termaju yang dilengkapi dengan ciri-ciri sebuah bandar. Justeru, artikel ini akan menganalisis sejauh mana tadbir urus yang dilaksanakan oleh Raja Jumaat telah menyumbang kepada pembentukan Lukut sebagai sebuah bandar. Hasil kajian mendapati kejayaan Raja Jumaat meletakkan dirinya sebagai pembesar yang sah menjadi titik permulaan kepada kemajuan Lukut. Keupayaan mentadbir urus aktiviti melombong bijih timah dan pelaksanaan sistem kutipan cukai yang cekap telah mengukuhkan kedudukan ekonomi Raja Jumaat. Bagi memenuhi tanggungjawab sebagai pembesar, pelbagai bentuk kemudahan asas dan perkhidmatan telah disediakan oleh Raja Jumaat dalam proses membangunkan Lukut sebagai kawasan pegangannya. Pembinaan infrastruktur dan jaminan keselamatan telah membentuk aturan kehidupan penduduk Lukut yang lebih kompleks dan teratur. Ternyata penyediaannya untuk memenuhi keperluan penduduk selain menarik kehadiran pemodal supaya melabur dalam sektor perlombongan bijih timah telah menjadi pencetus kepada pembentukan Lukut sebagai sebuah bandar.

Kata kunci: *Raja Jumaat, bijih timah, sistem cukai, infrastruktur, keselamatan.*

This article investigates the historical development of Lukut during the era of the Selangor Sultanate. Until the mid-19th century, Lukut was known for its abundance of tin, and both Malay elites and Chinese

capitalists migrated to and settled in Lukut to participate in tin mining. Their presence, with their many followers and labour, expanded Lukut's function as a vibrant settlement. During the administration of Raja Jumaat (1846-1864), the tin mining sector in Lukut reached its zenith, transforming its landscape into a developed settlement, possessing the early characteristics of a town. Therefore, this article analyses the extent Raja Jumaat's governance contributed to the growth of Lukut as a town. This research found that Raja Jumaat's success in setting himself up as Lukut's legitimate ruler kick-started the development of the settlement. His ability in managing tin mining activities and implementation of an efficient taxation system further strengthened his economic standing. Raja Jumaat also carried out his responsibilities as the local ruler through the introduction of various basic amenities and service as part of Lukut's development. The establishment of infrastructure and security transformed the living standards of Lukut's residents into something more complex and ordered. Evidently, his foresight to meet the needs of Lukut residents, aside from attracting capitalists and investors in the tin mining sector, also promoted Lukut's growth into a town.

Keywords: *Raja Jumaat, tin, taxation, infrastructure, security.*

Pengenalan

Lukut kini merupakan salah sebuah mukim yang terletak di dalam Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan. Namun sebelum tahun 1880, Lukut adalah sebahagian daripada kawasan yang tertakluk di bawah kekuasaan Kesultanan Selangor. Keunikan Lukut dapat dilihat menerusi tinggalan sejarahnya iaitu Kota Lukut yang telah dibina sekitar pertengahan abad ke-19 lagi. Di sebalik kewujudan Kota Lukut yang berfungsi sebagai kota pertahanan membuktikan bahawa Lukut pernah muncul sebagai pusat pentadbiran dan kawasan petempatan yang terkenal. Semasa berada di bawah kekuasaan Kesultanan Selangor, Lukut memainkan peranan sebagai pusat perlombongan bijih timah yang utama. Kekayaan hasil bijih timahnya telah menarik kehadiran golongan elit Melayu dan pemodal Cina untuk mengusahakan lombong bijih timah. Kehadiran mereka bersama-sama dengan pengikut dan tenaga buruh yang ramai telah membawa kepada pembukaan lebih banyak kawasan petempatan. Secara umumnya, kebanyakan petempatan tradisional mempunyai organisasi kehidupan yang bercirikan pusat pentadbiran dan pelabuhan kerana dibina di sekitar sungai. Namun berbeza dengan Lukut yang muncul di kawasan lombong bijih timah, reka bentuk landskapnya terbina untuk memenuhi keperluan ekonomi dan kehidupan harian penduduk menerusi penyediaan pelbagai bentuk perkhidmatan dan infrastruktur. Keadaan ini telah meletakkan

Lukut sebagai sebuah pusat pentadbiran dan kawasan petempatan yang jauh ke hadapan berbanding dengan petempatan-petempatan lain di Selangor khususnya dan negeri-negeri Melayu umumnya.

Peta menunjukkan kedudukan Lukut



Sumber: J.M. Gullick, “Sungei Ujong”, *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. XXII, Part. II, May 1949, hlm. 2.

Terdapat dua sumber yang begitu signifikan untuk meneliti sejarah awal Lukut iaitu catatan yang dibuat oleh Anderson¹ dan Newbold.² Kedua-duanya merupakan sebagai rekod sezaman kerana dihasilkan ketika Lukut masih lagi berada di bawah kekuasaan Kesultanan Selangor. Dengan kata lain, maklumat berkenaan diperoleh berdasarkan pengalaman secara langsung dengan suasana di Lukut pada peringkat awal kemunculannya. Namun begitu, tidak banyak maklumat dapat diketengahkan kerana catatan yang dibuat hanya berkisar kepada peristiwa semasa. Penjelasan secara ringkas oleh Anderson memberi gambaran mengenai keadaan di Lukut yang menjadi kawasan tumpuan orang Cina untuk terlibat dalam aktiviti melombong bijih timah. Didapati Sultan Selangor pada ketika itu, Sultan Ibrahim (1782-1862) menerima baik kehadiran

orang Cina untuk menjalankan kerja-kerja mencari gali bijih timah dengan melantik seorang kapitan Cina sebagai pengurus. Sementara itu, Newbold pula mencatatkan sepintas lalu mengenai satu peristiwa penting dalam lipatan sejarah Lukut iaitu pembunuhan pemerintahnya, Raja Busu oleh orang Cina berikutan rasa tidak puas hati berhubung kenaikan cukai hasil bijih timah. Di sebalik kedua-dua catatan tersebut, jelas menunjukkan Lukut merupakan petempatan terawal di Selangor yang didiami oleh orang Cina.

Walaupun Lukut mempunyai kepentingan dari segi perkembangan politik, ekonomi dan sosial di negeri-negeri Melayu khususnya Selangor sekitar abad ke-19, namun kajian mengenainya masih lagi terhad. Perkembangan Lukut bermula dari awal kemunculan disusuli zaman kemuncaknya semasa di bawah pemerintahan Raja Jumaat sebelum diambilalih oleh puteranya, Raja Bot telah dibincangkan oleh Gammans.³ Menurut Gammans, kecekapan Raja Jumaat menguruskan hal-hal pembangunan telah mengubah Lukut menjadi sebuah petempatan yang kompleks. Malah Raja Jumaat sendiri menjadi individu yang paling berkuasa di Lukut dan dihormati oleh penduduk tempatan mahupun kawasan sekitarnya. Selain Gammans, boleh dikatakan tiada kajian khusus yang memfokuskan perkembangan Lukut. Namun begitu, terdapat sejarawan yang menyentuh mengenai Lukut secara tidak langsung ketika membincangkan sejarah Selangor. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian Khoo Kay Kim⁴ dan Gullick⁵ yang dibuat dalam konteks perkembangan sektor perlombongan bijih timah di Selangor. Sememangnya tempoh antara dekad kedua abad ke-19 sehingga tahun 1870-an merupakan era kegemilangan Lukut sebagai pusat perlombongan bijih timah yang penting di Selangor.

Kepesatan aktiviti melombong bijih timah telah mencetuskan perubahan Lukut dari segi landskapnya sehingga menjadi sebuah petempatan yang moden dilengkapi pelbagai kemudahan. Berkenaan hal ini, Khoo Kay Kim⁶ menyatakan perubahan bermula sebaik sahaja Lukut ditadbir oleh Raja Jumaat. Sememangnya Raja Jumaat merupakan seorang pemimpin yang berwibawa kerana mampu menguruskan hal-hal pentadbiran dan pembangunan ekonomi dengan cekap.⁷ Keupayaan Raja Jumaat menguruskan aktiviti melombong bijih timah telah menjadi pemangkin kepada kemajuan Lukut. Hal ini turut dijelaskan oleh Farhan⁸ yang menyifatkan Raja Jumaat sebagai seorang pemerintah yang begitu mementingkan pembangunan ekonomi khususnya sektor perlombongan bijih timah dengan melaksanakan pelbagai peraturan dan penyediaan kemudahan asas. Keadaan ini menyebabkan Raja Jumaat begitu dihormati oleh orang Melayu dan Cina di Lukut.⁹ Malah pengaruh Raja Jumaat turut terkesan di beberapa kawasan sekitarnya seperti Sepang dan Linggi.¹⁰ Berdasarkan kajian yang sedia ada, kepesatan sektor perlombongan bijih timah semasa era Raja Jumaat ditandakan sebagai titik perubahan yang sangat penting dalam memacu perkembangan Lukut. Walau bagaimanapun, persoalan bagaimana tadbir urus yang dilaksanakan oleh Raja Jumaat telah menyumbang kepada pembentukan Lukut sebagai sebuah bandar

terawal di Selangor tidak diberi penekanan. Sehubungan dengan itu, penulisan ini akan mengenal pasti corak tadbir urus yang dilaksanakan oleh Raja Jumaat sehingga menjadi pencetus kepada pembentukan Lukut sebagai sebuah bandar.

Sejarah Awal Lukut

Tempoh dekad terawal abad ke-19 menyaksikan kemunculan Lukut sebagai sebuah kawasan petempatan baharu di Selangor khususnya dan negeri-negeri Melayu umumnya. Tidak dapat dinafikan bahawa pembukaannya disebabkan kekayaan hasil bijih timah yang telah menarik kehadiran pemodal dan buruh Cina dari Melaka serta orang Melayu di sekitarnya untuk menetap di Lukut. Sememangnya aktiviti melombong bijih timah merupakan kegiatan ekonomi utama dan menjadi sumber pendapatan yang sangat menguntungkan. Justeru kawasan seperti Lukut yang mempunyai bijih timah dengan sendirinya akan menjadi kawasan tumpuan penduduk. Selain itu, struktur geografi Lukut yang dialiri oleh Sungai Lukut dan beberapa anak sungai seperti Sungai Sendayan, Sungai Tanah Merah, Sungai Puchong, Sungai Kroh, Sungai Jimat dan Sungai Janging sebagai jaringan perhubungan dengan kawasan sekitar menjadikannya begitu ideal untuk berkembang sebagai kawasan petempatan.¹¹ Malah jaringan sungai tersebut juga memudahkan pengusaha lombong membawa keluar hasil bijih timah untuk dipasarkan.¹²

Proses pembukaan Lukut pada peringkat awal ternyata disokong oleh dasar ekonomi Sultan Selangor kedua iaitu Sultan Ibrahim yang begitu menitikberatkan sektor perlombongan bijih timah. Didapati Sultan Ibrahim tidak menghalang kemasukan pemodal dan buruh Cina dari Negeri-negeri Selat (NNS) khususnya Melaka untuk terlibat dalam sektor perlombongan bijih timah di Lukut. Kehadiran mereka menyebabkan bilangan penduduk di Lukut semakin bertambah dan melibatkan pelbagai komposisi kaum. Pada dekad pertama abad ke-19, penduduk di Lukut terdiri daripada orang Melayu yang kebanyakannya terlibat dengan aktiviti melombong bijih timah.¹³ Kawasan petempatan mereka lebih tertumpu di bahagian kuala Sungai Lukut. Kedudukan berhampiran dengan sungai ini memudahkan mereka untuk bergerak ke Langat atau Sungai Ujong menggunakan anak-anak sungai.¹⁴ Namun menjelang tahun 1815, didapati orang Cina telah mula berhijrah dan menetap di Lukut. Bagi mengawal dan menguruskan aktiviti mencari gali bijih timah yang dijalankan oleh buruh Cina, Sultan Ibrahim telah melantik seorang kapitan Cina sebagai ketua.¹⁵ Walau bagaimanapun, orang Melayu masih lagi mendominasi populasi penduduk di Lukut.¹⁶

Pada masa yang sama, strategi Sultan Ibrahim menjalin hubungan perdagangan dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di Pulau Pinang turut mempengaruhi perkembangan sektor perlombongan bijih timah. Hubungan antara kedua-dua pihak telah mewujudkan pasaran untuk bijih timah yang dihasilkan di Selangor termasuk Lukut. Keadaan ini secara

langsung memberi galakan kepada pengusaha lombong untuk meningkatkan lagi kerja-kerja melombong bijih timah. Pada 22 Ogos 1818, SHTI yang diwakili oleh Walter Sewell Cracroft menandatangani perjanjian perdagangan dengan Sultan Ibrahim.¹⁷ Menerusi perjanjian tersebut, SHTI diberi kebenaran untuk menjalankan aktiviti perdagangan di Selangor begitu juga dengan pedagang dari Selangor yang dibenarkan berdagang di Pulau Pinang. Selain itu, pihak SHTI juga berjanji untuk membeli hasil bijih timah pada kadar 1,500 pikul setiap tahun dengan harga 43 sebahara.¹⁸ Bagi memastikan kelancaran urusan perdagangan bijih timah antara kedua-dua pihak, SHTI melantik John Anderson sebagai wakil menerusi perjanjian yang ditandatangani pada 20 Ogos 1825.¹⁹ Di sebalik perjanjian tersebut jelas memberi jaminan kepada pasaran bijih timah yang dihasilkan di Lukut khususnya dan Selangor umumnya. Keadaan ini seterusnya menggalakkan lagi pengaliran modal dan kemasukan tenaga buruh. Didapati pelombong-pelombong yang mendapat suntikan modal daripada saudagar Cina di Melaka mula membuka lombong bijih timah. Kesannya, bilangan penduduk di Lukut bertambah daripada seratus orang pada tahun 1820 kepada seribu orang dalam tempoh dua tahun berikutnya.²⁰

Memasuki dekad kedua abad ke-19, Lukut terus menunjukkan perkembangan sekali gus menjadikan fungsinya sebagai pusat petempatan yang lengkap dengan sistem tadbir urus dan ekonomi semakin jelas. Hal ini bertitik tolak daripada penglibatan secara langsung Raja Hassan bin Raja Muda Nala ibni Sultan Salehuddin atau lebih dikenali sebagai Raja Busu dalam mentadbir urus Lukut. Kebanjiran pelombong Cina di Lukut menyebabkan berlakunya persengketaan sesama mereka untuk merebut kawasan lombong bijih timah. Bagi mengatasi masalah ini, Sultan Ibrahim melantik Raja Busu yang juga merupakan anak buahnya sebagai pembesar di Lukut. Telah menjadi amalan dalam budaya politik Melayu tradisional di mana Sultan akan melantik kaum kerabatnya untuk menjaga kawasan-kawasan yang berkepentingan. Justeru perlantikan sebagai pembesar membolehkan Raja Busu mengurus pentadbiran dan pembangunan Lukut sebagai kawasan pegangannya. Bagi mengukuhkan lagi kedudukannya, Raja Busu mengumpulkan orang Melayu untuk dijadikan sebagai pengikutnya dan membina petempatan di Lukut. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Gammans bahawa:

*Lukut, although attaining at one period to the dignity of an independent state, has not a very long or exciting history to its credit. It was founded by Raja Busu, a Selangor Malay, who collecting together a band of followers from Selangor, Kedah and other parts, came and settled on the banks of the Lukut River.*²¹

Kedudukan Raja Busu sebagai pembesar merupakan satu legitimasi kepada pembentukan Lukut sebagai unit politik. Justeru Raja Busu mula memperkenalkan beberapa peraturan melibatkan segenap aspek sama ada

dari segi ekonomi mahupun kehidupan harian penduduk untuk memastikan kelangsungan pembangunan Lukut. Berkenaan dengan sektor perlombongan bijih timah, Raja Busu menetapkan supaya pengusaha mendapatkan kebenaran terlebih dahulu sebelum membuka lombong bijih timah. Ternyata ketetapan tersebut berjaya mewujudkan keamanan di Lukut khususnya dalam kalangan orang Cina yang sebelum ini saling bersengketa untuk mendapatkan kawasan lombong. Rentetan daripada ini menyebabkan semakin ramai orang Cina dari Melaka berhijrah ke Lukut sama ada untuk mengusahakan lombong atau bekerja sebagai buruh. Malah Raja Busu sendiri turut menggunakan buruh Cina untuk mengusahakan lombong bijih timah miliknya. Berdasarkan catatan Anderson, sehingga tahun 1824 terdapat seramai 1,000 penduduk di Lukut dan 200 daripadanya terdiri daripada orang Cina yang bekerja di lombong bijih timah.²² Dalam tempoh sepuluh tahun berikutnya, didapati bilangan buruh Cina tidak kurang daripada 400 orang.²³

Pertambahan buruh Cina menyebabkan corak kehidupan penduduk di Lukut mula mengalami perubahan dan memperlihatkan ciri-ciri kehidupan orang Cina. Kehadiran mereka telah mewujudkan peluang perniagaan kepada para pemodal untuk memenuhi keperluan buruh. Misalnya terdapat dalam kalangan pemodal Cina menjalankan perniagaan candu yang dibawa masuk dari Pulau Pinang untuk dijual kepada buruh-buruh lombong.²⁴ Terdapat juga aktiviti pelacuran yang turut dijalankan oleh pemodal Cina dengan membawa masuk pelacur-pelacur dari Singapura. Namun Raja Busu berusaha menyekat kemasukan pelacur untuk mengelakkan aktiviti tersebut daripada terus berleluasa. Sementara itu, kehidupan orang Melayu juga turut mengalami perubahan dengan menjadi pembekal keperluan harian seperti makanan kepada pelombong-pelombong Cina.²⁵

Aktiviti pengaliran modal yang semakin meningkat dan kemasukan tenaga buruh yang ramai menyebabkan orang Cina mula menunjukkan penguasaan dalam sektor perlombongan bijih timah. Sebagai pembesar Lukut, Raja Busu berusaha mengekalkan penguasaannya dengan menyekar pengumpulan modal dalam kalangan orang Cina untuk mengelakkan mereka menjadi lebih kaya. Justeru, Raja Busu menetapkan cukai sebanyak sepuluh peratus perlu dibayar kepadanya untuk setiap hasil bijih timah yang dibawa keluar dari Lukut. Tindakan tersebut telah menimbulkan perselisihan antara Raja Busu dengan orang Cina sekali gus menyumbang kepada kemerosotan Lukut. Pada tahun 1834, kira-kira 400 orang Cina bertindak membakar istana Raja Busu sehingga menyebabkan Raja Busu, ahli keluarga dan pengikutnya terbunuh. Lebih memburukkan lagi keadaan apabila Raja Husin datang dari Riau bergabung dengan orang Melayu dari Klang membalas dendam dan membunuh hampir 1,000 orang pelombong Cina. Rentetan daripada serangan balas tersebut menyebabkan pelombong-pelombong Cina yang lain melarikan diri dan meninggalkan Lukut.

Kekosongan ini telah membuka ruang kepada Raja Jaafar Raja Ali yang berasal daripada keluarga Bugis-Riau untuk menguasai sektor perlombongan bijih timah di Lukut. Pada tahun 1835, Raja Jaafar bersama-sama dengan puteranya, Raja Jumaat dan Raja Abdullah bertemu dengan Sultan Selangor ketiga iaitu Sultan Muhammad (1826-1857) yang juga merupakan saudaranya untuk mendapatkan kebenaran membuka lombong bijih timah. Walaupun berjaya mendapatkan hak, namun satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah kedudukan Raja Jaafar hanya sebagai pengusaha lombong bijih timah dan bukannya pembesar Lukut. Setelah melihat kejayaan Raja Jumaat dan dua orang puteranya membangunkan sektor perlombongan bijih timah, Sultan Muhammad mengambil keputusan melawat Lukut pada tahun 1836 dan mengisytiharkannya sebagai kawasan di bawah kekuasaan Kesultanan Selangor.²⁶ Keadaan ini memberi keyakinan kepada orang Melayu untuk kembali menetap di Lukut untuk menjalankan kerja-kerja mencari gali bijih timah. Malah Sultan Muhammad turut memberi galakan kepada pemodal Cina di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura supaya melabur dalam sektor perlombongan bijih timah. Hasilnya Lukut kembali berfungsi sebagai pusat perlombongan bijih timah yang utama di Selangor khasnya dan negeri-negeri Melayu umumnya. Walau bagaimanapun, kemuncak kepada kemajuan Lukut dilihat bermula sebaik sahaja Raja Jumaat diangkat sebagai pentadbir Lukut. Hal ini demikian kerana Raja Jumaat tidak hanya memajukan sektor perlombongan bijih timah sebaliknya turut berjaya mengubah Lukut menjadi sebuah pentempatan yang mempunyai ciri-ciri sebuah bandar.

Pembentukan Lukut Sebagai Unit Politik

Kedudukan Raja Jumaat sebagai golongan elit yang bertanggungjawab membangunkan sektor perlombongan bijih timah di Lukut tidak memberi kuasa kepadanya untuk mentadbir sehinggalah dilantik sebagai pembesar pada tahun 1846. Perlantikan ini merupakan titik permulaan kepada perkembangan Lukut sebagai sebuah unit politik yang kompleks lengkap dengan sistem pentadbiran, ekonomi dan sosial. Sebaik sahaja mengambil alih perusahaan bijih timah setelah kemangkatan ayahandanya, Raja Jumaat mula merangka strategi untuk mengukuhkan kedudukannya di Lukut. Berbeza dengan ayahandanya yang hanya berperanan sebagai pengusaha lombong bijih timah, Raja Jaafar dilihat berjaya meletakkan dirinya sebagai pembesar Lukut. Kejayaan ini bertitik tolak daripada usaha Raja Jumaat mewujudkan hubungan baik dengan Sultan Muhammad. Langkah ini sangat penting kerana Lukut merupakan salah sebuah kawasan di bawah kekuasaan Kesultanan Selangor. Sebagaimana amalan dalam budaya politik Melayu zaman tradisional, pemilikan sesebuah kawasan adalah berdasarkan kepada kurniaan sultan yang memerintah sama ada menerusi penyerahan surat tauliah atau pedang kepada seseorang individu khususnya kerabat diraja sebagai perlambangan kepada penguasaan kawasan

berkenaan.²⁷ Oleh itu, Raja Jumaat perlu mendapatkan pengabsahan daripada Sultan Muhammad untuk dilantik sebagai pembesar yang sah seterusnya mentadbir Lukut sebagai kawasan pegangannya.

Bagi membuktikan dirinya layak untuk diangkat sebagai pembesar, Raja Jumaat sentiasa tampil menunjukkan ketokohnya dengan membantu Sultan Muhammad. Masalah hutang yang ditanggung oleh Sultan Muhammad telah menyediakan peluang terbaik kepada Raja Jumaat untuk mengeratkan hubungan antara kedua-dua mereka. Pada tahun 1839, Raja Jumaat telah menemani Sultan Muhammad melawat keluarga baginda di Riau. Semasa dalam perjalanan pulang ke Selangor, Sultan Muhammad telah diugut oleh saudagar Cina dan Eropah di Melaka supaya menjelaskan wang yang dipinjam oleh baginda untuk mengusahakan lombong bijih timah di Klang. Keadaan ini ditangani oleh Raja Jumaat dengan memberi jaminan akan membayar semua hutang Sultan Muhammad. Dari satu sudut yang lain, jelas menunjukkan saudagar Cina dan Eropah begitu menghormati Raja Jumaat sehingga sanggup memberi peluang kepada Sultan Muhammad. Sementara itu, bagi Raja Jumaat sendiri bantuan yang diberi telah mengeratkan lagi hubungannya dengan Sultan Muhammad dan juga institusi Kesultanan Selangor. Hal ini dapat dilihat menerusi tindakan Sultan Muhammad mengahwinkan puterinya, Tengku Senai (Tengku Nai) dengan Raja Jumaat. Pada tahun 1846, Raja Jumaat sekali lagi tampil memainkan peranan penting dalam membantu Sultan Muhammad yang diancam oleh saudagar Cina dan Eropah di Melaka dengan membayar kesemua hutang baginda berjumlah \$169,000. Tindakan Raja Jumaat melangsaikan hutang Sultan Muhammad menyebabkan baginda mengambil keputusan menyerahkan Lukut sebagai kawasan pegangan Raja Jumaat berkuatkuasa 4 Ogos 1846. Hal ini dijelaskan menerusi titah kuasa baginda yang menyatakan:

Pada 10 haribulan Syaaban tahun 1262 (4 Ogos 1846) pada ketika ini dokumen dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia yang Dipertuan Besar Selangor dalam negeri Melaka mengurniakan kepada Raja Jumaat ibni Al-Marhum Raja Jaafar dari Riau daerah Lukut hinggalah ke Kuala Linggi buat selama-lamanya, bahawa daerah Lukut adalah di bawah pemerintahan anak kami, Raja Jumaat, dan yang serupa akan turut temurun pula kepada anak dan cucu Raja Jumaat. Ini adalah satu hadiah daripada kami Yang Dipertuan bahawa waris dan pengganti kami tidak boleh lagi menuntutnya kerana sudah menjadi satu kebenaran dan pada kenyataannya kami sudah meletakkan mohor kami pada dokumen ini.²⁸

Walaupun penyerahan tersebut dilihat lebih kepada membalas jasa baik Raja Jumaat, namun dari satu sudut yang lain ia telah mengabsahkan kedudukan Raja Jumaat sebagai pembesar Lukut yang sah. Keadaan ini telah mengangkat kedudukan Raja Jumaat sebagai individu yang paling

berkuasa sekali gus memberi ruang kepadanya untuk menentukan hala tuju pembangunan Lukut. Ditambah pula dengan sumber kewangan yang kukuh hasil aktiviti perlombongan yang dijalankan mahupun kutipan cukai ke atas pengusaha lombong bijih timah membolehkan Raja Jumaat membiayai kos untuk membangunkan Lukut. Menurut Gullick, seseorang yang telah dikurniakan sesebuah daerah atau kawasan bererti mendapat kewibawaan untuk memerintah dan menjadi tanggungjawabnya untuk menggalakkan kemajuan kawasan pegangannya.²⁹ Justeru Raja Jumaat mula menggerakkan usaha untuk memakmurkan Lukut dengan menyediakan kemudahan infrastruktur dan jaminan keselamatan untuk keselesaan penduduknya.

Perkembangan Bandar Lukut Di Era Raja Jumaat, 1846-1864

Tempoh separuh kedua abad ke-19 merupakan kemuncak kepada kemajuan Lukut apabila berjaya muncul sebagai kawasan petempatan terawal di Selangor yang mempunyai ciri-ciri sebuah bandar. Khoo Kay Kim ketika menjelaskan perubahan yang berlaku di negeri-negeri Melayu menjelang penghujung abad ke-19 menggunakan istilah bandar bagi merujuk kepada Lukut. Keadaan ini menunjukkan Khoo Kay Kim mengakui bahawa Lukut adalah petempatan yang telah mencapai status bandar. Menurutnya, Lukut semasa tempoh tersebut merupakan sebuah bandar terkemuka yang jauh lebih maju dan moden berbanding dengan petempatan-petempatan lain.³⁰ Perkembangan ini telah menarik kehadiran orang Cina yang tidak hanya tertumpu dalam sektor perlombongan bijih timah semata-mata sebaliknya turut menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi. Begitu juga dengan Abu Talib Ahmad yang menyifatkan Lukut sebagai sebuah bandar dengan satu sistem kerajaan tempatan yang cekap.³¹ Tidak cukup dengan itu, kemodenan yang terdapat di Lukut turut dijelaskan secara terperinci oleh Gammans yang memetik kenyataan Residen Konsular di Melaka iaitu Kapten Ronald Macpherson. Semasa melawat Lukut pada tahun 1860, Macpherson menyatakan:

The contrast between Lukut and Selangor is very striking: indeed the former can well bear comparison with any European Settlement: and it is equally striking and gratifying in the midst of a dense jungle to come suddenly upon the footprints of advanced civilisation...and both the people and the place have an air of contentment and prosperity.³²

Ternyata kenyataan yang dibuat oleh Macpherson telah membuktikan kedudukan Lukut sebagai sebuah petempatan yang termaju sehingga boleh disamakan dengan petempatan orang Eropah. Pencapaian ini tidak lain ditunjangi oleh ketokohan Raja Jumaat selaku pembesar dalam mentadbir urus kawasan pegangannya. Sememangnya Raja Jumaat diakui sebagai pembesar yang bijak dalam menjalankan pentadbiran sehingga disenangi oleh orang Cina

dan Melayu.³³ Menjadi tanggungjawab Raja Jumaat untuk membangunkan Lukut, maka pelbagai bentuk pembaharuan telah diperkenalkan melibatkan aspek ekonomi sehingga hal-hal yang memberi keselesaan kepada penduduknya. Kesemua ini merupakan batu asas yang sangat penting dalam proses pembentukan Lukut sebagai sebuah bandar.

Pelaksanaan Sistem Cukai

Cukai merupakan sumber pendapatan yang utama dan penting bagi seseorang pembesar yang diberi kewibawaan untuk mentadbir sesebuah kawasan. Hal ini demikian kerana hasil kutipan cukai digunakan sebagai modal untuk membangun dan memakmurkan kawasan pegangannya.³⁴ Dalam konteks Lukut, Raja Jumaat sentiasa memberi perhatian kepada aspek cukai sama ada dari segi pelaksanaan sistem kutipannya mahupun barangan yang berpotensi untuk dikenakan cukai. Sesuai dengan kedudukan Lukut sebagai pusat perlombongan bijih timah yang menjadi tumpuan pemodal-pemodal Cina, maka Raja Jumaat mengenakan cukai terhadap hasil bijih timah. Didapati Raja Jumaat sentiasa menyesuaikan sistem kutipan cukai untuk memastikan pengusaha-pengusaha lombong tidak terbeban dengan kadar cukai yang dikenakan. Langkah ini penting untuk mengelakkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pengusaha lombong yang boleh menyebabkan huru-hara sebagaimana yang pernah berlaku semasa era Raja Busu dahulu. Dengan kata lain, sikap bertolak ansur yang ditunjukkan oleh Raja Jumaat begitu disenangi pengusaha-pengusaha lombong seterusnya menggalakkan lebih banyak pengaliran modal. Keadaan ini telah menarik minat beberapa pemodal Cina seperti Hin Siew dan Yap Si untuk mengusahakan lombong bijih timah di Lukut.³⁵

Menurut Khoo Kay Kim, telah menjadi amalan sekitar tahun 1850-an hasil bijih timah tidak dieksport secara langsung tanpa melalui pembesar. Namun pemodal dari NNS dilihat lebih cenderung untuk mengurus niaga secara langsung dengan pengusaha lombong dalam urusan jual beli bijih timah. Justeru Raja Jumaat berusaha mendapatkan nasihat daripada Macpherson sebelum mengambil keputusan menetapkan kadar cukai bijih timah sebanyak 20 peratus.³⁶ Setelah dilaksanakan untuk beberapa tahun sehingga tahun 1860-an, pemodal Cina kemudiannya memohon agar kadar cukai bijih timah diturunkan kepada 10 peratus. Melihat kepada keperluan untuk mengekalkan pemodal Cina supaya terus mengusahakan aktiviti melombong bijih timah, Raja Jumaat mengambil keputusan menurunkan kadar cukai kepada 10 peratus untuk setiap hasil bijih timah yang dibawa keluar dari Lukut.³⁷

Bagi memudahkan proses kutipan cukai, Raja Jumaat menubuhkan sebuah pejabat kastam agar setiap barangan yang hendak dibawa keluar dapat dinilai kadar cukainya dengan adil.³⁸ Di samping itu, Raja Jumaat juga menetapkan syarat agar setiap lombong bijih timah yang hendak diusahakan perlu mendapat kebenarannya terlebih dahulu. Selain dapat mengelakkan

berlakunya perebutan lombong bijih timah dalam kalangan pemodal Cina, langkah tersebut dilihat membolehkan Raja Jumaat mengenal pasti bilangan lombong bijih timah yang terdapat di Lukut sekali gus memudahkannya untuk mengenakan cukai. Di samping bijih timah, didapati Raja Jumaat juga bijak menguruskan sumber kewangannya dengan mengenakan cukai ke atas barangan yang diimport seperti candu dan beras. Candu yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan buruh lombong dikenakan cukai sebanyak \$2 sebola. Manakala beras yang menjadi makanan harian penduduk pula dikenakan cukai sebanyak \$4 sekoyan. Didapati pelaksanaan sistem cukai membolehkan Raja Jumaat meraih pendapatan sebanyak \$10,000 sebulan dan menjelang tahun 1850 jumlahnya mencatatkan peningkatan kepada \$15,000 sebulan.³⁹ Hasil yang diperolehi membolehkan Raja Jumaat menggunakannya untuk membiayai kos pembangunan infrastruktur dan keselamatan di Lukut.

Pembangunan Infrastruktur

Kekuatan sumber kewangan yang dimiliki oleh Raja Jumaat telah menyediakan modal penting baginya untuk melaksanakan projek pembangunan infrastruktur di Lukut. Secara umumnya, seseorang pembesar bertanggungjawab membangunkan kawasan pegangannya untuk memberi keselesaan kepada penduduk.⁴⁰ Pada masa yang sama, penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas juga menjadi daya penarik kepada penduduk mahupun pemodal untuk menetap di sesebuah kawasan berkenaan. Penting bagi pembesar untuk menarik kehadiran penduduk menetap di kawasannya kerana semakin ramai penduduk bermakna semakin banyak kutipan cukai. Didapati Raja Jumaat telah mengarahkan pengikut-pengikutnya supaya memukul gong agar penduduk Sungai Ujong yang melarikan diri akibat keadaan huru hara tidak tersesat di dalam hutan sebaliknya terus menuju ke Lukut.⁴¹ Dari segi reka bentuk landskap pula, ternyata Raja Jumaat berupaya mewujudkan keadaan yang ideal di Lukut untuk membolehkannya berfungsi sebagai sebuah petempatan yang tersusun. Berkenaan dengan hal ini, Gammans menjelaskan bahawa landskap Lukut terdiri lebih daripada 40 buah rumah batu yang disusun atur dalam dua baris. Suasana tersebut digambarkan dengan memetik kenyataan Macpherson yang menyatakan, “... *China town is uniformly built of brick and tiled roof, kept scrupulously clean and well drained*”.⁴² Pembinaan rumah kedai ini membolehkan orang Cina di Lukut menjalankan aktiviti perniagaan dengan mengusahakan kedai pajak, kedai kopi dan juga kedai judi (Muzium Lukut). Yap Ah Loy sebelum berpindah ke Kuala Lumpur didapati menjalankan perniagaan daging khinzir di Lukut dan Sungai Ujong untuk memenuhi keperluan dalam kalangan buruh lombong. Beliau pada mulanya bekerja sebagai buruh dan tukang masak di lombong milik Chong Chong selama tiga tahun untuk mengumpul modal bagi memulakan perniagaan tersebut.⁴³

Walaupun tiada bukti yang jelas, namun tidak menolak kemungkinan pembentukan landskap Lukut semasa era Raja Jumaat mendapat pengaruh daripada Melaka. Hal ini disebabkan idea kemodenan yang dibawa oleh kuasa-kuasa barat terlebih dahulu disesuaikan di NNS seperti Melaka berbanding dengan negeri-negeri Melayu. Contohnya semasa Melaka berada di bawah kekuasaan Belanda, pelbagai bentuk pembangunan infrastruktur telah dilaksanakan. Menurut Nordin Hussin, kebanyakan orang Cina memilih untuk menetap dan bekerja di kawasan bandar.⁴⁴ Keadaan ini secara tidak langsung mendedahkan mereka dengan idea-idea kemodenan yang diperkenalkan oleh pihak Belanda pada ketika itu. Malah menjelang tahun 1860-an, beberapa pemodal Cina di Melaka mula terlibat dalam sektor pembinaan dan hartanah. Misalnya See Boon Tiong yang terlibat dalam aktiviti perniagaan telah membuat pelaburan dengan membeli rumah.⁴⁵ Manakala Yeo Hood Ing yang berasal dari Melaka terlibat dengan kerja-kerja pembinaan rumah di sekitar Singapura.⁴⁶ Memandangkan pemodal dan buruh Cina yang berhijrah ke Lukut kebanyakannya datang dari Melaka, maka sedikit sebanyak idea tersebut dibawa dan disesuaikan dengan struktur tempatan.

Tambahan pula, Raja Jumaat sendiri mempunyai hubungan rapat dengan Chee Yam Chuan yang banyak membantunya dalam membangunkan Lukut. Chee Yam Chuan merupakan salah seorang pemodal berpengaruh di Melaka yang terlibat dalam kegiatan penanaman buah pala di samping menguruskan cawangan Syarikat Leack, Chin Seng. Keakraban hubungan mereka berdua dapat dinilai menerusi tindakan Chee Yam Chuan mengambil putera Raja Jumaat iaitu Raja Bot sebagai anak angkat dan mengajarnya mengenai selok belok perniagaan.⁴⁷ Hal ini diakui sendiri oleh Raja Bot yang menyatakan:

*I was the given into the charge of Baba Chi Yamchwan, a merchant who had helped my people to open up the River Lukut. For eleven months I dwell in his house. I could then write Malay, and the letters which came from Lukut to Baba Yamchwan were always read by me. Sometimes also I wrote letters from Baba Yamchwan to my people. By these means I became acquainted with prices and other details of business. Soon afterwards I was required to keep the accounts of dealings between my people and Baba Yamchwan, so that I came to know all about the work. At length, in 1276 A.H., I was taken back to Lukut by my people and ceased learning English and it was my duty to look after the food arrangements of the coolies at the mines, buying the various necessaries myself and selling them to the coolies.*⁴⁸

Berdasarkan kenyataan Raja Bot, jelas menunjukkan Chee Yam Chuan antara individu yang memberi sumbangan penting dalam membangunkan Lukut sehingga menjadi sebuah bandar. Hal ini demikian kerana Chee Yam

Chuan juga turut terlibat sebagai *speculator* dalam hal-hal yang berkaitan dengan tanah dan bangunan di Melaka.⁴⁹ Satu perkara yang perlu dijelaskan disini ialah bantuan yang dinyatakan oleh Raja Bot diberi ketika Lukut berada di bawah pentadbiran Raja Jumaat atau setidak-tidaknya sebelum tahun 1860-an kerana Chee Yam Chuan meninggal dunia pada Julai 1862. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa kemajuan Lukut semasa era Raja Jumaat melibatkan kerjasama dengan Chee Yam Chuan. Secara umumnya, orang Cina diakui telah memainkan peranan dalam proses pembangunan negeri-negeri Melayu menerusi jalinan kerjasama dengan penduduk tempatan.⁵⁰ Melihat kepada penglibatan orang Cina di Melaka, ternyata mereka terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh J.D. Vaughan bahawa:

The Chinese are everything; they are actors, acrobats, artists, musicians, chemists and druggists, clerks, cashiers, engineers, architects, surveyors, missionaries, priests, doctors, school-master, lodging-house keepers, butchers, pork-sellers, cultivators of papper and gambier, cake-sellers, cart and hackney carriage owners, cloth hawkers, distillers of spirits, eating-house keepers, fishmongers, fruit-sellers, ferrymen, grass-sellers, hawkers, merchants and agents, oil-sellers, opium shopkeepers, pawn-brokers, pig-dealers, and poulterers. They are rice-dealers, ship-chandlers, shop-keepers, general dealers, spirit shop keepers, servant, timber-dealerstobacconists, vegetable sellers, planters, market-gardeners, labourers, bakers, millers, barbers, blacksmiths, boatmen, book-binders, boot and shoe-makers, brick-makers, carpenters, cabinet makers, carriage builders, cartwrights, cart and hackney carriage drivers, charcoal burners and sellers, coffinmakers, confectioners, contractors and builders, coopers, engine-drivers, and firemen, fishermen, goldsmiths, gunsmiths and locksmiths, limeburners, masons and bricklayers, mat, kajang, and basket makers, oil manufacturers, and miner. To which we may add painters, paper lantern makers, porters, pea-grinders, printers, sago, sugar and gambier manufacturers, sawyers, seamen, ship and boat builders, soap boilers, stone cutters, sugar boilers, tailors, tanners, tin smiths and braziers, umbrella makers, undertakers and tomb-builders, watch-makers, water-carriers, wood cutters and sellers, wood and ivory carvers, fortune-tellers, grocers, beggars, idle vagabonds or "samsengs" and thieves.⁵¹

Kenyataan tersebut jelas menunjukkan orang Cina menjadi tulang belakang kepada pembangunan di Melaka. Lantaran itu, penghijrahan orang Cina dari Melaka secara tidak langsung telah memberi pengaruh kepada pembentukan landskap di Lukut.⁵² Walau bagaimanapun, hakikat bahawa

Raja Jumaat sebagai ‘arkitek’ yang bertanggungjawab memajukan Lukut sehingga menjadi sebuah bandar sesuatu yang tidak dapat dinafikan. Raja Jumaat memainkan peranan dalam menentukan kedudukan dan susun atur setiap bangunan yang hendak dibina. Hal ini dapat dilihat menerusi pembinaan pusat judi untuk membolehkan buruh-buruh Cina dapat melakukan aktiviti yang telah sinonim dengan mereka. Bagi memastikan aktiviti perjudian dalam kalangan buruh Cina tidak menjejaskan penduduk tempatan yang lain, Raja Jumaat menyediakan tempat khas untuk pembinaan pusat judi.⁵³ Sementara itu untuk memastikan aktiviti perdagangan berjalan dengan lancar, gudang-gudang besar dibina di tepi Sungai Lukut.⁵⁴ Kedudukannya yang terletak berhampiran dengan sungai memudahkan para pedagang untuk memunggah seterusnya menyimpan barang dagangan mereka dengan selamat. Didapati pembinaan gudang bertepatan dengan kedudukan Sungai Lukut sebagai sebuah pelabuhan yang sangat sibuk kerana dikunjungi tongkang dan perahu dari kawasan sekitarnya.⁵⁵

Satu perkara yang turut mendapat perhatian khusus daripada Raja Jumaat dalam pembangunan infrastruktur ialah pembinaan jalan raya. Penggunaan laluan sungai semata-mata dilihat membataskan pergerakan kerana bergantung kepada arah aliran sungai berkenaan. Tambahan pula, kedudukan Lukut terletak jauh di kawasan pedalaman. Justeru penyediaan jalan raya sangat penting untuk mewujudkan jaringan perhubungan yang lebih luas menghubungkan setiap kawasan di Lukut sekali gus memudahkan pergerakan penduduk. Menariknya, pembinaan jalan raya dibuat oleh banduan dengan menggunakan batu yang bertambang.⁵⁶ Sebagai sebuah pusat perlombongan bijih timah, pembinaan jalan raya berbatu ini ternyata memudahkan pengusaha lombong untuk membawa keluar hasil bijih timah ke pelabuhan menggunakan kereta lembu dengan lebih lancar dan selamat. Didapati kereta lembu telah menjadi kenderaan yang digunakan oleh penduduk untuk menjalankan pelbagai aktiviti harian mereka. Sebagai contoh, kereta lembu digunakan bagi mengangkat air untuk diisi ke dalam kolam yang terdapat di sekitar Kota Lukut.⁵⁷ Pembinaan jalan raya di sekelilingnya menggunakan batu telah memudahkan pergerakan kereta lembu walaupun kota tersebut terletak di puncak bukit.

Jaminan Keselamatan

Aspek keselamatan memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan sesebuah pemerintahan. Pembesar yang telah dilantik mentadbir kawasan perlu menitikberatkan aspek keselamatan untuk melindungi penduduk daripada sebarang ancaman sekali gus mengelakkan mereka berhijrah keluar. Menurut Gullick, bilangan penduduk merupakan indikator penting dalam menentukan punca kekayaan seseorang pembesar yang bertindak sebagai pemungut cukai.⁵⁸ Tambahan pula, aspek keselamatan sesebuah daerah bergantung sepenuhnya

kepada pembesar tanpa mendapat sebarang sokongan daripada Sultan.⁵⁹ Justeru pembesar perlu memastikan kawalan keselamatan sentiasa dipertingkatkan dengan membentuk kumpulan pengikut mahupun tenteranya sendiri. Lebih-lebih lagi dalam konteks Lukut yang memperlihatkan pengaliran modal secara besar-besaran daripada pemodal-pemodal dari Melaka. Kebanyakan lombong bijih timah di Lukut dibiayai oleh kumpulan kongsi gelap seperti Ghee Hin dan Hai San. Malah Lukut turut menjadi tumpuan kongsi gelap khususnya Ghee Hin untuk menubuhkan cawangannya.⁶⁰

Keperluan untuk menjaga keamanan di Lukut menyebabkan Raja Jumaat mengambil langkah membentuk pasukan polis. Berkenaan hal ini, Gammans menyatakan Raja Jumaat “*instituted a police force of 22 Malays, who not only wore uniform but had number on their hats*”.⁶¹ Keupayaan pasukan keselamatan menjaga keamanan di Lukut diakui oleh Macpherson dengan menyatakan “*The Police Peons are dressed similarly to our in Malacca, and the arrangements in the Police Station which I inspected are perfect*”.⁶² Tidak cukup dengan itu, aspek keselamatan turut diperkemas lagi dengan penubuhan mahkamah untuk mengadili kes-kes jenayah sekaligus dapat mengelakkan berlakunya perbalahan atau rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk. Sebagai pembesar, Raja Jumaat sendiri akan menghakimi sesuatu kes jenayah yang berlaku di Lukut tanpa merujuknya kepada Sultan Selangor.

Bagi memastikan keharmonian dalam kalangan penduduk di Lukut yang terdiri daripada orang Melayu dan Cina, Raja Jumaat telah menguatkuasakan peraturan-peraturan khusus untuk membentuk aturan kehidupan penduduk. Langkah ini bertujuan mengelakkan berlakunya perbalahan antara orang Cina dan Melayu sebagaimana yang ditunjukkan semasa era pemerintahan Raja Busu. Satu bukti jelas mengenai aturan ini dapat dilihat menerusi aktiviti perjudian. Didapati Raja Jumaat telah menetapkan peraturan yang melarang orang Melayu terlibat dalam aktiviti perjudian manakala bagi orang Cina pula, sebuah tempat khas untuk berjudi diwujudkan dengan dikawal oleh pasukan keselamatan. Berkenaan hal ini, Macpherson menjelaskan:

*An object of much interest to me was the Gambling Farm: it is a large square building and there are Police Peons stationed at each of the four doors. No Malay is permitted to enter, and the punishment if a Malay man caught in the act of gambling is severe. Although crowded with players the most perfect order and quiet reigned throughout and those who lost their money displayed no symptoms of excitement or violence.*⁶³

Sementara itu, bagi Raja Jumaat sendiri, pembinaan Kota Lukut yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti meriam dan parit

di sekelilingnya serta binaan tembok batu untuk tujuan pertahanan dan keselamatan. Raja Jumaat bertanggungjawab dalam merangka pembinaan kota pertahanannya yang terletak di atas puncak Bukit Gajah Mati. Kota tersebut dibina berbentuk segi empat menggunakan batu dan dilengkapi jalan raya sehingga ke puncak. Manakala di bahagian tengah kota pula dibina rumah puterinya, Raja Wok selain menempatkan beberapa kolam batu dan padang sepak raga. Pembinaannya juga dibuat di kawasan yang strategik untuk membolehkan Raja Jumaat memantau dengan jelas keadaan di Lukut bermula dari Sungai Lukut sehingga ke Selat Melaka.⁶⁴ Hal ni bersesuaian dengan kenyataan Gullick bahawa kedudukan kota pertahanan di kawasan yang berhampiran dengan sungai sangat penting untuk pemerintah menguasai lalu lintas sistem perhubungan sungai.⁶⁵

Kemerosotan Bandar Lukut

Kedudukan Lukut sebagai sebuah bandar yang termahsyur sekitar pertengahan abad ke-19 dilihat mula mengalami kemerosotan sehingga menjadi sebuah bandar terbiar. Hal ini disebabkan pembukaan beberapa lombong bijih timah baharu yang lebih produktif di Selangor. Sebagai sebuah petempatan yang muncul di kawasan perlombongan, tidak dapat tidak perkembangan Lukut berkait rapat dengan aktiviti melombongan bijih timah. Maksudnya di sini, kekurangan hasil bijih timah dan ditambah pula pembukaan lombong-lombong baharu di kawasan lain menyebabkan fungsi Lukut sebagai bandar tumpuan semakin terjejas. Didapati penduduk tempatan terutamanya orang Cina mula berhijrah keluar dan tertumpu di kawasan yang berpotensi dari segi ekonomi. Sememangnya menjadi budaya dalam kalangan masyarakat tradisional khususnya pemodal dan buruh Cina yang cenderung untuk berpindah dan menetap di kawasan lombong bijih timah.⁶⁶ Tambahan pula, menjelang tahun 1870-an, orang Cina mengawal sepenuhnya sektor perlombongan bijih timah sama ada dari segi pembukaan lombong, kawalan tenaga buruh mahupun pengaliran modal.⁶⁷ Dengan kata lain, faktor ekonomi seperti kekayaan hasil bijih timah di sesebuah kawasan menjadi faktor penting dalam pembinaan kawasan petempatan oleh orang Cina.

Melihat kepada sektor perlombongan di Lukut, didapati tempoh sekitar tahun 1860-an menyaksikan pengurangan hasil bijih timah.⁶⁸ Serentak dengan itu, beberapa kawasan lain di Selangor seperti Ampang, Kanching dan Kuala Lumpur muncul sebagai kawasan yang kaya dengan hasil bijih timah.⁶⁹ Keadaan ini mempengaruhi pemodal-pemodal Cina di Lukut untuk berhijrah dan menjalankan perniagaan untuk memenuhi keperluan harian buruh di kawasan berkenaan. Akibat penghijrahan keluar pemodal-pemodal Cina ini menyebabkan terputusnya pengaliran modal yang sebelum ini disalurkan menerusi aktiviti perniagaan. Pemodal Cina yang menjalankan perniagaan di Lukut dilihat memberhentikan operasi mereka dan berpindah ke kawasan

yang lebih menguntungkan. Keadaan ini secara langsung menghilangkan fungsi Lukut sebagai sebuah bandar yang menyediakan keperluan ekonomi dan kehidupan harian penduduknya. Menurut Khoo Kay Kim, perkembangan sektor perlombongan di Ampang telah mendorong pemodal Cina seperti Hin Siew dan Yap Si mengambil kesempatan membekalkan beras, candu, arak, ayam daging babi dan sebagainya untuk ditukar dengan bijih timah sebelum dieksport keluar.⁷⁰

Sementara itu, kejayaan Sultan Selangor keempat, Sultan Abdul Samad mengusahakan lombong bijih timah di Kanching menyebabkan kawasan sekitarnya berkembang menjadi kawasan petempatan buruh Cina yang kebanyakannya datang dari Lukut.⁷¹ Keadaan ini menyebabkan Raja Bot yang menggantikan ayahandanya, Raja Jumaat kehilangan sumber kewangan yang penting kerana tidak lagi dapat mengenakan cukai barangan seperti candu dan cukai bijih timah. Didapati kutipan cukai yang diperoleh oleh Raja Bot kurang daripada \$300 sebulan sekali gus menyukarkannya untuk membiayai kos pentadbiran bandar Lukut.⁷² Malah penghijrahan orang Cina juga menyebabkan kepadatan penduduk di Lukut semakin berkurang daripada 10,000 orang kepada 300 orang menjelang penghujung tahun 1870-an.⁷³ Keadaan ini menyebabkan landskap Lukut turut mengalami perubahan. Banyak lombong bijih timah yang telah kehabisan hasil ditinggalkan dan dipenuhi dengan air. Begitu juga dengan tanah pertanian yang tidak lagi diusahakan dan dipenuhi dengan pokok-pokok liar. Manakala gudang dan rumah-rumah lama pula telah runtuh.⁷⁴

Kesimpulan

Kemunculan Lukut pada tahun 1824 sebagai pusat perlombongan bijih timah yang utama di Selangor telah berjaya menarik kehadiran golongan elit Melayu dan pelombong Cina untuk mengusahakan lombong bijih timah. Sejak daripada itu, Lukut tidak putus-putus menerima kehadiran penduduk dari luar untuk membuka petempatan dan menetap di Lukut. Keadaan ini kemudiannya menjadi titik permulaan yang membawa kepada perkembangan Lukut sebagai sebuah petempatan yang kompleks. Walaupun memperlihatkan tanda-tanda kemerosotan pada pertengahan tahun 1830-an, namun kehadiran Raja Jumaat yang berjaya meletakkan dirinya sebagai pembesar yang sah telah menjadi pencetus kepada perkembangan Lukut. Kecekapan Raja Jumaat dalam melaksanakan tadbir urus pembangunan Lukut melibatkan aspek ekonomi seperti percukaian sehingga kepada hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan penduduknya telah berjaya membawa Lukut ke tahap yang termaju. Pelaksanaan sistem percukaian yang berkesan dan telus menyediakan modal penting kepada Raja Jumaat untuk membiayai pembangunan Lukut. Rentetan daripada itu, landskap Lukut mula memperlihatkan ciri-ciri sebuah bandar dengan menyediakan pelbagai bentuk kemudahan yang memberi keselesaan

kepada penduduknya. Ditambah pula dengan aspek keselamatan dan aturan kehidupan yang jelas melibatkan orang Melayu dan Cina, Raja Jumaat berjaya mewujudkan keamanan di Lukut. Kesemua ini menjadi batu asas yang penting dalam membentuk Lukut sebagai sebuah bandar terawal di Selangor.

Nota Akhir

- 1 John Anderson 1824. *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Penang: Government Press.
- 2 Newbold, T.J. 1839. *Political and Stastical Accoung of the British Settlement in the Straits of Malacca, Pinang, Malacca and Singapore with A History of The Malayan States on the Peninsula of Malacca (Vol. II)*, London: John Murray, Albemarle Street.
- 3 Gammans, L.D., "The State of Lukut", *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 1924.
- 4 Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1984.
- 5 Gullick, J.M. 2004. *A History of Selangor*, Kuala Lumpur: MBRAS.
- 6 Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*.
- 7 Gullick, J.M. 2004. *A History of Selangor*, hlm. 43.
- 8 Ahmad Farhan, "Raja Jumaat dan Lukut, 1835-1864", *PURBA*, Bil. 30, 2011.
- 9 Gammans, L.D., "The State of Lukut", hlm. 292.
- 10 Ahmad Farhan, "Raja Jumaat dan Lukut, 1835-1864", hlm. 118.
- 11 *Utusan Malaysia*, 18 Julai 1997, hlm. 34.
- 12 Abdul Halim Nasir, *Lembangan Sungai Dalam Peradaban Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 139.
- 13 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 36.
- 14 Logan, J.R., "A Voyage from Singapore to Pinang", *Journal of the Indian Archeipelago and Eastern Asia*, Jil. 4, 1850: hlm. 755.
- 15 John Anderson, *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Penang: Government Press, 1824, hlm. 202.
- 16 Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1984, hlm. 13.
- 17 Straits Settlements Records, FI, 22 Ogos 1818; *The Administration Report of the State of Selangor for the year 1889*, hlm. 2.
- 18 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 33.

- 19 Allen, J. de V., Stockwell, A.J., & Wright, L.R., *A Collection of Treaties and Other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963 (Vol. I)*, London: Oceana Publication Inc., 1981, hlm. 439.
- 20 Abu Talib Ahmad, *Perang Saudara Di Selangor; 1868-1873*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1986, hlm. 1.
- 21 Gammans, L.D., "The State of Lukut", *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 1924, hlm. 291.
- 22 John Anderson, *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 202.
- 23 Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry To 1914*, Tucson: University of Arizona Press, 1965, hlm. 18.
- 24 Yusoff Hassan, *Jugra Dalam Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Tra-tra, 1983, 85-86.
- 25 Khoo Kay Kim, "Perubahan di Setengah Negeri-negeri Melayu (1880an)", *Journal of the Historical Society*, Universiti of Malaya, Jilid VIII, 1969/70, hlm. 99.
- 26 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 175.
- 27 Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 137.
- 28 Ibid.,; C.O. 275/95, Robinson to Hick Beach, 2 August 1878; C.O. 273/98, Robinson to Hick Beach, 31 January 1879.
- 29 Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, hlm. 179.
- 30 Khoo Kay Kim, "Perubahan di Setengah Negeri-negeri Melayu (1880an)", hlm. 99.
- 31 Abu Talib Ahmad, *Perang Saudara Di Selangor; 1868-1873*, hlm. 5.
- 32 Gammans, L.D., "The State of Lukut", hlm. 292.
- 33 Gullick, J.M., *A History of Selangor*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2004, hlm. 43; Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, hlm. 77.
- 34 Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, hlm. 179.
- 35 Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, hlm. 78.
- 36 Ibid., hlm. 80.
- 37 Ibid.,; Abu Talib Ahmad, *Perang Saudara Di Selangor; 1868-1873*, hlm. 5.
- 38 Ahmad Farhan, "Raja Jumaat dan Lukut, 1835-1864", *PURBA*, Bil. 30, 2011, hlm. 117.
- 39 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 178.
- 40 Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, hlm.

- 179.
- 41 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 179.
- 42 Gammans, L.D., “The State of Lukut”, hlm. 292.
- 43 Carstens A. Sharon, “Chinese Culture and Polity in Nineteenth-Century Malaya: The Case of Yap Ah Loy”, in David Ownby & Mary Somers Heidhues (ed.), *Secret Societies” Reconsidered: Perspectives on the Social History of Early Modern South China and Southeast Asia*, London: Routledge, 2015, hlm. 124.
- 44 Nordin Hussin, *Trade and Society in The Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, Singapore: National University of Singapore, 2007, hlm. 283-285.
- 45 Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, hlm. 69.
- 46 Ibid.
- 47 Mohamad Amin Hassan, “Raja Bot bin Raja Jumaat”, *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 40, Part II, December 1967, hlm. 69; *The Malay Mail*, 14 November 1902, hlm. 3.
- 48 Ibid.
- 49 Song Ong Siang, *One Hundred Years History of the Chinese in Singapore*, Singapore: World Scientific Publishing Co., 1923, hlm. 29 & 406.
- 50 Andaya, B.W., & Andaya, L.Y., *A History of Malaysia*, United States: Palgrave, 2017, hlm. 148.
- 51 Mills, L.A., *British Malaya, 1824-1867*, Selangor: MBRAS, 2012, hlm. 236-237; Didapati, tenaga buruh mahupun pesalah di NNS dikerahkan untuk membina infrastruktur. Siti Alwaliyah Mansor dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Penularan Penyakit Beri-beri Di Penjara Negeri-negeri Selat: Penelitian Terhadap Sebab dan Langkah-langkah Kawalannya, 1870-1915”, *JEBAT*, Vol. 46, Bil. 1, July 2019, hlm. 28.
- 52 Secara umumnya, Khoo Kay Kim menyatakan bahawa Negeri-Negeri Selat menjadi pangkalan penting bagi imigran Cina untuk memasuki kawasan-kawasan lombong di bahagian barat negeri-negeri Melayu. Berbanding dengan Singapura, pelabuhan Melaka termasukah Pulau Pinang didapati mempunyai hubungan secara langsung dengan negeri-negeri Melayu di pantai barat. Khoo Kay Kim, “Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan China Di Tanah Melayu”, *JEBAT*, Bil. 1. 1971/72, hlm. 19; Khoo Kay Kim, “Melaka Dalam Zaman Moden”, *JEBAT*, Bil. 9, 1979, hlm. 36.
- 53 Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, hlm. 80.
- 54 Gammans, L.D., “The State of Lukut”, 1924, hlm. 292.

- 55 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 179-180.
- 56 Gammans, L.D., “The State of Lukut”, hlm. 292-293.
- 57 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 178.
- 58 Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, hlm. 161-162.
- 59 Ibid., hlm. 139.
- 60 Newbold & Wilson, “The Chinese Secret Triad Society of the Tien-ti-huih”, *The Journal of The Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, Vol. Sixth, May 1886, hlm. 143.
- 61 Gammans, L.D., “The State of Lukut”, hlm. 292.
- 62 Ibid., hlm. 293.
- 63 Ibid.
- 64 Ahmad Farhan, “Raja Jumaat dan Lukut, 1835-1864”, 2011, hlm. 117.
- 65 Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, hlm. 174.
- 66 Ibid., hlm. 33-34.
- 67 Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah Perdagangan Bebas*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, hlm. 127.
- 68 Jackson, J.C., “Population Change in Selangor State, 1850-1891”, *The Journal of Tropical Geography*, Vol. 19, December 1964, hlm. 42.
- 69 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 53.
- 70 Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, hlm. 78.
- 71 Ibid.
- 72 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 187.
- 73 Ibid.
- 74 Gullick J.M., & Gerald Hawkins, *Malayan Pioneers*, Singapore: Eastern Universities Press, 1958, hlm. 62

Rujukan

- Abdul Halim Nasir. 2005. *Lembangan Sungai Dalam Peradaban Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Talib Ahmad. 1986. *Perang Saudara Di Selangor, 1868-1873*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Ahmad Farhan. 2011. “Raja Jumaat dan Lukut, 1835-1864”, *PURBA*, Bil. 30.
- Allen, J. de V., Stockwell, A.J., & Wright, L.R. 1981. *A Collection of Treaties and Other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963 (Vol. I)*, London: Oceana Publication Inc.
- Andaya, B.W., & Andaya, L.Y. 2017. *A History of Malaysia*, United States: Palgrave.

- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carstens A. Sharon. 2015. "Chinese Culture and Polity in Nineteenth-Century Malaya: The Case of Yap Ah Loy", in David Ownby & Mary Somers Heidhues (ed.), *Secret Societies" Reconsidered: Perspectives on the Social History of Early Modern South China and Southeast Asia*, London: Routledge.
- C.O. 275/95, Robinson to Hick Beach, 2 August 1878.
- C.O. 273/98, Robinson to Hick Beach, 31 January 1879.
- Gammans, L.D. 1924. "The State of Lukut", *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Gullick, J.M. 1949. "Sungei Ujong", *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. XXII, Part. II.
- Gullick, J.M. 2004. *A History of Selangor*, Kuala Lumpur: MBRAS.
- Gullick, J.M. 1987. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gullick J.M., & Gerald Hawkins. 1958. *Malayan Pioneers*, Singapore: Eastern Universities Press.
- Jackson, J.C. 1964. "Population Change in Selangor State, 1850-1891", *The Journal of Tropical Geography*, Vol. 19, December.
- John Anderson 1824. *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Penang: Government Press.
- Khoo Kay Kim. 1971/72. "Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan China Di Tanah Melayu", *JEBAT*, Bil. 1.
- Khoo Kay Kim. 1979. "Melaka Dalam Zaman Moden", *JEBAT*, Bil. 9.
- Khoo Kay Kim. 1984. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat, 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Khoo Kay Kim. 1969/70. "Perubahan di Setengah Negeri-negeri Melayu (1880an)", *Journal of the Historical Society*, Universiti of Malaya, Jilid VIII.
- Logan, J.R. 1850. "A Voyage from Singapore to Pinang", *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Jil. 4.
- Mills, L.A. 2012. *British Malaya, 1824-1867*, Selangor: MBRAS.
- Mohamad Amin Hassan. 1967. "Raja Bot bin Raja Jumaat", *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 40, Part II, December.
- Newbold, T.J. 1839. *Political and Stastical Accoung of the British Settlement in the Straits of Malacca, Pinang, Malacca and Singapore with A History of The Malayan States on the Peninsula of Malacca (Vol. II)*, London: John Murray, Albemarle Street.
- Newbold & Wilson. 1886. "The Chinese Secret Triad Society of the Tien-ti-

- huih”, *The Journal of The Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, Vol. Sixth, May.
- Nordin Hussin. 2007. *Trade and Society in The Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, Singapore: National University of Singapore.
- Siti Alwaliyah Mansor dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2019. “Penularan Penyakit Beri-beri Di Penjara Negeri-negeri Selat: Penelitian Terhadap Sebab dan Langkah-langkah Kawalannya, 1870-1915”, *JEBAT*, Vol. 46, Bil. 1, July.
- Sivachandralingam Sundara Raja. 2005. *Sejarah Perdagangan Bebas*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Song Ong Siang. 1923. *One Hundred Years History of the Chinese in Singapore*, Singapore: World Scientific Publishing Co.
- Straits Settlements Records, FI, 22 Ogos 1818.
- The Administration Report of the State of Selangor for the year 1889.*
- The Malay Mail*, 14 November 1902.
- Utusan Malaysia*, 18 Julai 1997.
- Wong Lin Ken. 1965. *The Malayan Tin Industry To 1914*, Tucson: University of Arizona Press.
- Yusoff Hassan. 1983. *Jugra Dalam Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Tra-tra.

Nota Biografi

Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus (akamal@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau mengkhususkan dalam bidang perbandaran, sejarah sosial dan sejarah pentadbiran British di Malaysia.

Dr. Noor Ain Mat Noor (noorain277@um.edu.my) merupakan Pensyarah di Centre for Internship Training and Academic Enrichment (CITRA), Universiti Malaya yang mengkhususkan dalam bidang sejarah pentadbiran Kedah.

Dr. Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli (kayrulez88@yahoo.com) merupakan bekas calon PhD di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang mengkhususkan dalam bidang sejarah sosial.

Penghargaan

Kajian ini merupakan hasil penyelidikan di bawah geran Universiti Malaya No. RU007-2019.